

Kedah cadang bentuk unit agama

BH 13 MAY 2000

KUALA LUMPUR, Jumaat – Badan Perhubungan Umno Kedah mencadangkan penubuhan Unit Agama Umno bagi memantapkan kefahaman dan penghayatan ke arah mengembangkan pemikiran Islam secara progresif, dinamik dan matang.

Wakilnya, Abdul Wahab Din berkata, unit itu berperanan memberi penjelasan selain menganjurkan kursus dalam menangani isu semasa bagi memperbaiki Umno dalam bidang agama.

Beliau berkata, kerajaan juga perlu mengumpul penceramah Pas yang kembali kepada Umno dan memanfaatkan kemampuan mereka untuk menguatkan unit berkenaan.

“Kita mencadangkan supaya peranan badan khas unit agama dan ulama digunakan secara maksimum kerana

penjelasan terhadap isu yang berlaku amat penting,” katanya ketika membentangkan usul agama pada Perhimpunan Agung Umno. di sini hari ini.

Abdul Wahab berkata, untuk mempertingkatkan fungsi Umno pada peringkat bahagian, ketuanya perlu diberitahu mengenai sesuatu keputusan atau tindakan yang diambil oleh Kerajaan Pusat atau kementerian.

Mengambil peruntukan yang disediakan oleh kerajaan untuk sekolah agama sebagai contoh, beliau berkata, pemberian peruntukan itu perlu menerusi ketua bahagian sebelum diserahkan kepada sekolah berkenaan.

“Bantuan daripada Kerajaan Pusat itu ada kalanya dimaklumkan kepada ketua bahagian dan ada kalanya tidak, menyebabkan pihak

sekolah mengatakan bahawa peruntukan itu datang dari mereka. Ini perlu diperbetulkan,” katanya.

Beliau berkata, Umno tidak perlu takut dan bimbang dengan imej yang ditonjolkan oleh Pas kerana Umno bergerak di atas landasan yang benar, melakukan perubahan demi bangsa, agama dan negara.

Bagaimanapun, katanya, ahli Umno perlu bersedia memperbaiki penampilan dengan kehidupan bersederhana dan memakmurkan masjid bagi menonjolkan imej Islam yang hebat dalam parti.

“Orang Umno perlu memakmurkan masjid dengan menghadiri mesyuarat kariah dan menjadi sebahagian daripada ahli jawatankuasa masjid,” katanya.

Abdul Wahab berkata, usul

itu juga meminta Pusat Islam mengambil tindakan terhadap guru agama yang membatikan diri secara khusus menyokong pembangkang dalam pilihan raya lalu.

Menyentuh ketegasan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, menge-nakan tindakan terhadap pemimpin yang melakukan kesalahan, beliau berkata, ia perlu dijadikan iktibar.

“Kita rasa teguran itu amat bermakna dan kita menyokong tindakan yang diambil oleh presiden dalam kes Anwar Ibrahim. Kita takut jika tindakan tidak diambil, ia akan menjadi penyakit,” katanya.

Sementara itu, wakil Pahang, Redzwan Harun, ketika mengimbas kembali pelbagai kejadian pada pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri (DUN) Sanggang

baru-baru ini, yang parti lawan tidak segan silu menggunakan isu agama serta menyalahgunakan masjid untuk meraih sokongan rakyat.

Beliau ketika menyokong usul agama berkata, parti lawan juga menggunakan isu mata lebam bekas Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, untuk meraih simpati.

“Kita amat hairan apabila di sesetengah tempat gambar mata lebam Anwar lebih banyak daripada gambar (Datuk) Hishamudin (Yahya) yang menjadi calon (Pas)... saya berasa seolah-olah saya sedang bertarung dengan Anwar pula,” katanya.

Beliau berkata, tindakan partilawan menggunakan masjid untuk ceramah dan gosip politik juga mengakibatkan semua aktiviti mas-



jid di daerah itu digantung bagi mengelak ia daripada disalahgunakan.

“Masjid kini bukan dalam situasi sebenarnya iaitu untuk tujuan ibadat tetapi digunakan untuk kepentingan diri,” katanya.

Beliau turut kesal dengan pembabitkan pelajar kolej dan institusi pengajian tinggi yang bukan saja secara terang-terang menyokong pembangkang, malahan ada antara mereka mencerca dan mencaci penyokong kerajaan.

“Hingga pada satu peringkat gambar mata lebam Anwar hampir ditonyoh ke muka saya dan mereka meluahkan perkataan yang tidak sepatutnya diluahkan oleh pelajar berpendidikan tinggi,” katanya.